

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HIS 402 Fiqh al-Mu'amalat: Hubungan Sesama Makhluk

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) SOALAN DI
DALAM TIGA (3) HALAMAN.**

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja; **DUA (2)** soalan daripada bahagian A dan **DUA (2)** soalan daripada bahagian B.

Semua soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 256 bermaksud: "Tidak boleh dipaksa seseorang supaya masuk Islam". Manakala Piagam Madinah fasal 25 pula menegaskan; seseorang yang melakukan kezaliman, dirinya sendiri dan keluarganya bertanggungjawab atas segala yang dilakukan.

Berdasar kepada ayat dan Piagam di atas, bincangkan;

- [a] Konsep kebebasan beragama dan hubungannya dengan mu'amalat Islam.
- [b] Konsep persaudaraan dalam Islam dan maksud hadith yang meminta supaya menolong saudara yang menzalim dan yang dizalimi.
- [c] Kebebasan beragama menurut Perlembagaan Malaysia Perkara 2(1) dan 11(1).

2. Islam memperuntukkan banyak hak istimewa kepada umat manusia yang tidak boleh dicabuli atau disekat oleh sesiapaupun - antara satu sama lain; selagimana ia digunapakai menurut jalan yang diharuskan. Pilih tiga (3) hak berikut dan bincangkan unsur-unsur kesejagatan dan batasan-batasan tertentu yang perlu dihormati dan dipelihara;
- [a] Hak berfikir.
 - [b] Hak keadilan dan kesaksamaan.
 - [c] Hak bekerja.
 - [d] Hak mendapat perlindungan (keamanan).
 - [e] Hak menikmati pemberian Allah di muka bumi.
3. Perpecahan umat Islam kini merupakan satu gejala yang boleh menggugat masa depannya. Berdasarkan fenomena di atas, huraikan perkara-perkara berikut;
- [a] Konsep masyarakat Islam.
 - [b] Ciri-ciri masyarakat Islam.
 - [c] Cara-cara menyatupadukan umat Islam sepertimana yang dianjurkan oleh Islam.

BAHAGIAN B

4. Surtahman Kastin Hasan memaparkan takrif ekonomi Islam menurut beberapa orang sarjana muslimin. Nyatakan takrif-takrif yang dimaksudkan, kemudian beri pandangan serta komen anda tentang skop ekonomi Islam berdasar kepada takrif-takrif tersebut.

5. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan al-Syarikah dan al-mudharabah?
- [b] Huraikan jenis-jenis syarikah yang diharuskan dalam Fiqh Islami.
- [c] Huraikan istilah yang digunakan dalam Fikah Islam bagi aktiviti ekonomi seperti berikut;
- i. Ahmad dan lima orang rakan kongsinya membeli sebidang tanah dan mereka sama-sama berusaha memajukannya.
 - ii. BERSAMA Sdn. Bhd. menjalani perniagaan secara membuka peluang kepada orang ramai supaya melabur wang untuk diperniagakan. Keuntungannya diagih-agihkan di antara pihak syarikat dan para pelabur berdasar kepada saham masing-masing.
6. Seorang pengarang membicarakan tentang falsafah ekonomi Islam dan ciri-cirinya di dalam bukunya Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan.
- [a] Siapakah yang dimaksudkan dengan pengarang tersebut dan beri pandangan dan komen anda berhubung dengan apa yang disentuh tentang falsafah ekonomi Islam.
- [b] Bincangkan matlamat kegiatan ekonomi Islam.
- [c] Jelaskan ciri-ciri ekonomi menurut kacamata Islam.

--ooo000ooo--